



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PENILAIAN PELAJAR TERHADAP KOMPETENSI PEMIMPIN  
PROGRAM PENDIDIKAN LUAR DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU  
MALAYSIA**

**AZITA BIN HJ. AMRIN**

**FPP 2007 23**

**PENILAIAN PELAJAR TERHADAP KOMPETENSI PEMIMPIN  
PROGRAM PENDIDIKAN LUAR  
DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA**

**Oleh**  
**AZITA BIN HJ. AMRIN**

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Senat, Universiti Putra Malaysia, Sebagai  
Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Doktor Falsafah**

**November 2007**



Abstrak tesis ini dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah,

**PENILAIAN PELAJAR TERHADAP KOMPETENSI PEMIMPIN PROGRAM PENDIDIKAN LUAR DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA**

Oleh

**AZITA BIN HJ. AMRIN**

**November 2007**

**Pengerusi : Saidon bin Amri, Ph. D.**

**Fakulti : Pengajian Pendidikan**

Pemimpin Program Pendidikan Luar perlu menguasai pelbagai kompetensi daripada tiga tunjang kemahiran yang digariskan oleh pengkaji dan pakar dalam bidang tersebut iaitu; *Hard skills*, *Soft skills* dan *Conceptual skills*. Kajian ini bertujuan menilai persepsi pelajar terhadap kompetensi penunjuk ajar yang mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Luar di Institut Pendidikan Guru Malaysia. Berdasarkan kajian Miller (2002), lima kompetensi daripada tiga tunjang utama yang dinilai ialah Kompetensi Kepimpinan, Kompetensi Teknikal, Kompetensi Pengurusan Risiko, Kompetensi Keselamatan dan Pertolongan Cemas, dan Kompetensi Alam Sekitar. Penyelidikan ini menggunakan model penilaian *Importance-Performance Analysis* (IPA) yang dipelopori oleh Martilla dan James (1977), di mana responden dikehendaki menilai tahap kepentingan setiap ciri kompetensi yang disenaraikan, dan prestasi penunjukajar terhadap ciri-ciri kompetensi tersebut. Gabungan penilaian tahap kepentingan dan prestasi berdasarkan

model IPA menentukan kekuatan dan kelemahan penunjuk ajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran program Pendidikan Luar.

Populasi kajian terdiri daripada 364 orang guru pelatih daripada lapan buah Institut Pendidikan Guru di seluruh Malaysia. Instrumen soal-selidik yang digunakan dalam kajian ini diadaptasi dan dibentuk oleh penyelidik berpandukan kajian-kajian sebelumnya oleh Attarian (1995), Buell (1983), Miller (2002), dan Priest dan Gass (1997). Kesemua ciri kompetensi mempunyai nilai kebolehpercayaan *Alfa Cronbach* di antara 0.80 hingga 0.98. Penganalisisan data dibuat dengan menggunakan program SPSS-Windows versi 11.5. Statistik deskriptif iaitu, peratusan, min dan sisihan piawai bagi menjawab persoalan satu hingga sepuluh dan statistik inferensi iaitu, ujian MANCOVA digunakan bagi menjawab persoalan 11 dan 12.

Dapatan kajian berpandukan model penilaian IPA menunjukkan bahawa 74 (84.1%) ciri daripada lima kompetensi pemimpin Pendidikan Luar telah dinilai oleh responden sebagai kekuatan dalam proses pengajaran dan pembelajaran program Pendidikan Luar. Sementara 15 (15.9%) ciri kompetensi pula dinilai sebagai kelemahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran program Pendidikan Luar.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa faktor pengalaman peserta yang pernah mengikuti dan memimpin program Pendidikan Luar sebelumnya, sangat mempengaruhi penilaian yang dibuat terhadap prestasi penunjuk ajar.

Faktor jantina dan latar belakang akademik pula, tidak mempengaruhi penilaian mereka terhadap kepentingan dan prestasi kesemua ciri kompetensi yang dicadangkan.

Kajian juga mendapati bahawa program Pendidikan Luar di Institut Pendidikan Guru Malaysia seharusnya diteruskan kerana terdapat lebih banyak kekuatan dalam proses pengajaran dan pembelajaran berbanding dengan kelemahan yang terdapat. Apa yang dicadangkan ialah peningkatan kualiti penunjukajar melalui kursus-kursus dalaman dan peningkatan profesionalisme.



Abstract of thesis presented to the Senat of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

By

**Azita bin Hj. Amrin**

**November 2007**

**Chairman : Saidon bin Amri Ph. D.**

**Faculty : Educational Studies**

Outdoor Education leaders should possess various competencies from the three main skills agreed by professionals and researchers in the field, namely; hard skills, soft skills and conceptual skills. This study aims to evaluate students' evaluation on the instructors' competencies in the teaching and learning process of the Outdoor Education Program at the Malaysian Teacher Education Institutes. Based on Miller's study (2002), five competencies from the three main skills are being evaluated, that is; Leadership skills, Technical skills, Risk Management skills, First Aids and Emergency skills, and Environmental skills. The Importance–Performance Analysis (IPA) model of evaluation (Martilla & James, 1977), is adopted in this study. Based on this model, respondents are required to evaluate the level of importance of each attribute of the competencies and the performance of the instructors based on the same competencies. The IPA model is used to combine the mean score of importance and performance evaluation to determine the strengths and weaknesses of the instructors in the teaching and learning process.

The population of this study consists of 364 trainees from eight Teacher Education Institutes all over Malaysia. The instrument, in the form of a questionnaire is adapted and developed by the researcher based on studies from Attarian (1995), Buell (1983), Miller (2002), and Priest and Gass (1997). The range of the Cronbach Alfa reliability index from all the 89 attributes of the five competencies are from 0.80 to 0.98. The data are analysed using the SPSS-Windows version 11.5. Descriptive statistics in the form of percentage, mean and standard deviation are used to answer research questions one to ten, and inferential statistics of MANCOVA is used to answer research questions 11 and 12.

The findings show that 74 (84.1%) attributes of the Outdoor Education competencies are perceived by the respondents as strengths in the teaching and learning process. Only 15 (15.9%) out of 89 attributes are perceived by the respondents to be the weaknesses of the teaching and learning process of the Outdoor Education Program.

The findings also reveal that respondents' prior experiences and involvement in the Outdoor Education Program do have an influence on the evaluation of the instructors' performance in the teaching and learning process. However, gender and educational background do not have any influence on the evaluation of the importance and performance of each attribute of the competencies.

Thus, this study recommend that the Outdoor Education Program in Teacher Education Institutes should be continued because the strengths outweigh the weaknesses in the teaching and learning process. This study also suggests that the quality of the instructors and the levels of competencies can be improved through in-house training and professional development.



## PENGHARGAAN

Segala puji-pujian bagi Allah s.w.t yang maha besar, maha agung, maha mengetahui dan maha bijaksana. Salam dan selawat kepada junjungan besar nabi Muhammad s.a.w. Sesungguhnya saya merasa amat bersyukur di atas limpah kurnia dan izin daripadaNya kepada hambanya yang tidak berdaya ini, dapatlah saya sedikit kekuatan, kesabaran, hidayah dan ilham menempuh segala macam dugaan bagi menyiapkan disertasi ini.

Rakaman penghargaan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan kepada Dr. Saidon B. Amri, Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan yang telah sudi menerima saya sebagai pelajar dan seterusnya tidak henti-henti memberikan dorongan, bimbingan, panduan dan tunjukajar yang tidak ternilai tanpa mengira waktu sehingga disertasi ini berjaya disiapkan. Segala ilmu dan jasa bakti yang dicurahkan, hanya Allah jualah yang dapat membalaunya.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa Penyeliaan yang terdiri daripada Prof. Madya Dr. Mohd. Sofian Omar Fauzee dan Dr. Azlizam Aziz yang sentiasa sanggup meluangkan masa membantu, memberikan idea yang bernas dan menegur setiap kekurangan yang ada. Juga kepada Prof. Madya Dr. Abdullah B. Mohd, Dr. Manomohar M, Tn. Hj. Amat Ramsa serta ahli-ahli panel pakar yang lain yang terdiri daripada En. Abdul Muttalip Abd. Ghani, En. Adib Sulaiman, En. Baharom Othman, En. Baharuddin Hassan, En. Elias Talib, Tn. Hj. Norhizan Zainol dan En. Yaacob Mamat yang membantu dan memberikan nasihat dalam pembentukan dan kesahan

instrumen kajian. Juga kepada En. Baharuddin Abdul Latif dari Bahagian Pendidikan Guru yang turut terlibat membantu dalam proses pengumpulan data.

Namun, ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan kepada ibu saya Hjh. Zainab Hj. Salam yang tidak putus-putus berdoa kepada Allah s.w.t. memohon kejayaan anaknya di dunia dan akhirat. Juga kepada isteri tersayang Zubaidah Ahmad Zuber yang sangat memahami, sentiasa membantu dan telah berkorban segala-galanya bagi memastikan saya berjaya menyiapkan disertasi ini. Begitu juga kepada anak-anak yang telah kehilangan banyak masa berharga bersama ayah mereka yang menumpukan seluruh usaha untuk menyiapkan disertasi ini. Tidak lupa kepada rakan-rakan khususnya Dr. Hj. Razali Abdullah dari UMT, En. Mohd Yunus Ibrahim (IPKT) dan yang tidak dapat disebutkan satu persatu di sini yang telah banyak membantu dan memberikan pelbagai galakan. Semoga Allah memberkati kita semua dan sentiasa di dalam taufik dan hidayahnya, amin.

## PENGESAHAN

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Pemeriksa telah berjumpa pada 16hb. November 2007 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Azita bin Hj. Amrin untuk menilai tesis Ijazah Kedoktoran beliau yang bertajuk "Penilaian Pelajar Terhadap Kompetensi Pemimpin Program Pendidikan Luar Di Institut Pendidikan Guru Malaysia" mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah berkenaan.

Ahli Pemeriksa Jawatankuasa adalah seperti berikut:

**Zaidatol Akamaliah Lope Pihie, PhD**

Profesor  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Aminuddin Hj. Yusoff, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalaman)

**Chee Chen Soon, PhD**

Fakulti Pengajian Pendidikan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalaman)

**Ahmad Bin Hashim, PhD**

Fakulti Sains Sukan  
Universiti Perguruan Sultan Idris  
Malaysia  
(Pemeriksa Luar)

---

**HASANAH MOHD. GHAZALI, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut ;

**Saidon bin Amri, PhD**

Pensyarah  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Mohd Sofian Omar Fauzee, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Azlizam Aziz, PhD**

Pensyarah  
Fakulti Perhutanan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**AINI IDERIS, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## **PERAKUAN**

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.

---

**( AZITA BIN HJ. AMRIN )**

Tarikh : 16 November 2007

## JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iv
<b>PENGHARGAAN</b>	vi
<b>PENGESAHAN</b>	x
<b>PERAKUAN</b>	xii
<b>KANDUNGAN</b>	xiii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xv
<b>SENARAI RAJAH</b>	xvii

### BAB

<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	1
	Latar Belakang Pendidikan Luar	5
	Program Pendidikan Luar Di Institut	
	Pendidikan Guru Malaysia	8
	Teori Program	11
	Penilaian Program	17
	Penyataan Masalah	20
	Objektif Kajian	22
	Persoalan Kajian	23
	Kepentingan Kajian	25
	Kerangka Konseptual Kajian	28
	Batasan Kajian	32
	Definisi Operasional	33

### BAB

<b>2</b>	<b>SOROTON LITERATUR</b>	
	Pengenalan	36
	Definisi Penilaian Dan Konsep Penilaian Program	37
	Tujuan Penilaian	41
	Jenis Penilaian	45
	Teori Program	52
	Model Penilaian Kepentingan Prestasi	56
	Definisi, Konsep dan Falsafah Pendidikan Luar	64
	Kajian Lampau Pendidikan Luar	69
	Kajian Kompetensi Pemimpin Pendidikan Luar	82
	Kajian Keberkesanan Program Latihan Pemimpin	
	Pendidikan Luar Menggunakan IPA	97
	Kesimpulan	100

**BAB**

<b>3</b>	<b>METODOLOGI</b>	
	Pengenalan	102
	Reka Bentuk Kajian	102
	Populasi Kajian	104
	Instrumen Kajian	105
	Kesahan Soal Selidik	108
	Teknik Delphi	110
	Kajian Rintis Untuk Menguji Kebolehpercayaan	115
	Prosedur Pengumpulan Data	119
	Prosedur Penganalisisan Data	120
	Analisis Ko-Varian Berganda (MANCOVA)	123
	Kesimpulan	125
<b>BAB</b>		
<b>4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	
	Pendahuluan	126
	Latar Belakang Responden	126
	Dapatan Persoalan Kajian	136
	Kesimpulan	192
<b>BAB</b>		
<b>5</b>	<b>RUMUSAN, PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN IMPLIKASI</b>	
	Pendahuluan	194
	Rumusan	194
	Perbincangan	201
	Kesimpulan	216
	Implikasi dan Cadangan	219
	Cadangan Kajian Lanjutan	224
<b>BIBLIOGRAFI</b>		227
<b>LAMPIRAN</b>		243
<b>BIODATA PELAJAR</b>		277

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Halaman</b>
1 Perbandingan ciri-ciri lima bentuk penilaian program	49
2 Laporan Meta Analisis Hattie et. Al	74
3 Komponen dan Ciri Kompetensi <i>hard Skills</i> Pemimpin Pendidikan Luar	84
4 Komponen dan Ciri Kompetensi soft skills pemimpin Pendidikan Luar	86
5 Komponen dan atribut kemahiran konseptual pemimpin Pendidikan Luar	88
6 Taburan responden mengikut Institut Perguruan	127
7 Taburan responden mengikut pengkhususan	128
8 Taburan responden mengikut umur	129
9 Taburan responden mengikut jantina	129
10 Taburan responden mengikut bangsa	130
11 Taburan responden mengikut Latar belakang akademik	131
12 Taburan responden mengikut pengalaman mengajar	131
13 Taburan responden berdasarkan pengalaman mengikuti program Pendidikan Luar dan kursus berkaitan	133
14 Taburan responden berdasarkan pengalaman sebagai pemimpin Pendidikan Luar dan kursus berkaitan	134
15 Tahap Kepentingan Kompetensi Kepimpinan Mengikut item	138
16 Prestasi Kompetensi Kepimpinan Penunjuk Ajar Mengikut Item	143
17 Penilaian Tahap Kepentingan Kompetensi Teknikal Pendidikan Luar	151
18 Prestasi Kompetensi Teknikal Penunjuk Ajar Mengikut Item	155

19	Tahap Kepentingan Kompetensi Pengurusan Risiko Mengikut Item	162
20	Prestasi Kompetensi Pengurusan Risiko Mengikut Item	165
21	Tahap Kepentingan Kompetensi Keselamatan Dan Pertolongan Cemas Mengikut Item	169
22	Prestasi Kompetensi Keselamatan Dan Pertolongan Cemas Mengikut Item	171
23	Penilaian Tahap Kepentingan Kompetensi Alam Sekitar	176
24	Prestasi Kompetensi Alam Sekitar Mengikut Item	178
25	Ujian Box's M	188
26	Analisis MANCOVA Terhadap Pengaruh Jantina, Latar Belakang Akademik dan Pengalaman Peserta terhadap Penilaian Kepentingan Ciri Kompetensi Pemimpin Pendidikan Luar	184
27	Ujian Box's M	188
28	Analisis MANCOVA Terhadap Pengaruh Jantina, Latar Belakang Akademik dan Pengalaman Peserta terhadap Penilaian Prestasi Ciri Kompetensi Pemimpin Pendidikan Luar	189
29.	Senarai 11 Ciri Kompetensi Pemimpin Pendidikan Luar Terpenting	202
30	Penilaian Prestasi Ciri Kompetensi Pemimpin Pendidikan Luar	207
31	Senarai 15 Ciri Kompetensi Kelemahan Pemimpin Pendidikan Luar	211

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Halaman</b>
1	Model Konseptual Pendidikan Guru	10
2	Teori Program Pendidikan Luar Institut Pendidikan Guru Malaysia	13
3	Kerangka Kerja Konseptual Kajian	31
4	Teori Program	54
5	Skor Matriks Kepentingan Prestasi	62
6	Model <i>Effective Leadership Brick wall</i>	94
7	Skor Matriks Penilaian Kepentingan-Prestasi Kompetensi Kepimpinan Pendidikan Luar	148
8	Skor Matriks Penilaian Kepentingan-Prestasi Kompetensi Teknikal Pendidikan Luar	160
9	Skor Matriks Penilaian Kepentingan-Prestasi Kompetensi Pengurusan Risiko	167
10	Skor Matriks Penilaian Kepentingan-Prestasi Kompetensi Keselamatan Dan Pertolongan Cemas	174
11	Skor Matriks Penilaian Kepentingan-Prestasi Kompetensi Alam Sekitar	180
12	Rumusan Dapatan Kajian Berdasarkan Skor Matriks Kepentingan dan Prestasi.	209
13	Model Hubungan Penilaian Kepentingan Dan Prestasi Terhadap Teori Program Pendidikan Luar Di Institut Pendidikan Guru Malaysia	218

## **BAB 1**

### **Pendahuluan**

Penghasilan guru yang berkualiti dan cemerlang adalah matlamat yang ditetapkan dan menjadi misi Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Kementerian Pelajaran Malaysia. Oleh itu, usaha dan penekanan ditumpukan kepada penguasaan pengetahuan dan kemahiran pedagogi serta nilai-nilai keguruan yang tinggi dalam latihan perguruan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2004). Guru yang berkualiti adalah asas untuk menjayakan hasrat negara bagi memperoleh pendidikan yang berkualiti dan merealisasikan falsafah pendidikan negara untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani (Abu Bakar Bachik, 2002).

Bagi mencapai matlamat ini, BPG telah menyediakan sukanan pelajaran dan garis panduan lengkap bagi setiap program latihan perguruan dan mata pelajaran yang diajar merangkumi tiga komponen yang diberikan pemberatan setara iaitu; akademik, ko-kurikulum dan latihan mengajar. BPG dengan jelas telah menggariskan falsafah untuk menghasilkan;

**Guru yang berpekerti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia menjunjung aspirasi negara serta menyanjung warisan kebudayaan negara, menjamin perkembangan individu dan memelihara suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif dan berdisiplin.** (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2004)



Segala hasrat, cita-cita dan misi BPG diamanahkan kepada tenaga pengajar di Institut Perguruan seluruh negara. Keberkesanan mereka melaksanakan tugas yang diamanahkan dari segi pengajaran dan penyampaian, mendidik dan membimbing guru-guru pelatih, sangat penting dan menyumbang ke arah pencapaian segala objektif dan matlamat yang telah ditetapkan. Namun, segala usaha yang dibuat memerlukan penilaian sebagai satu kaedah untuk mengesan dan mendapatkan maklum balas sejauh mana objektif dan program yang dirancang berjaya atau proses pelaksanaannya berjalan lancar. Penilaian program penting kerana menurut Weiss (1998), di antara tujuan penilaian adalah untuk mengesan keberkesanan sesuatu program, mengetahui sejauh mana objektif dan matlamat dapat dicapai serta untuk melihat kekuatan dan kelemahan program bagi maksud penambahbaikan.

Salah satu komponen akademik yang terkandung dalam sukanan pelajaran di Institut Pendidikan Guru ialah Pendidikan Luar. Ia menjadi satu subjek wajib bagi guru pelatih opsyen Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001). Pendidikan Luar bertujuan melatih pemimpin yang berpengetahuan dan kompeten dalam pelbagai kemahiran Pendidikan Luar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001). Sukanan Pelajaran Pendidikan Luar di Institut Perguruan Malaysia dengan jelas meletakkan lima objektif untuk dicapai bagi menghasilkan pemimpin Pendidikan Luar iaitu ; Penggunaan kemahiran, Kebolehan merancang pengajaran, Kebolehan merancang aktiviti, Kebolehan melaksanakan program dan Kemahiran menilai keberkesanan program melalui amalan refleksi. Kelima-lima kemahiran diletakkan sebagai objektif yang dalam sukanan Pendidikan Luar di Institut

Pendidikan Guru Malaysia sebenarnya merupakan sebahagian daripada *core skills* yang menjadi pra-syarat kepada semua bentuk program latihan bagi menghasilkan pemimpin Pendidikan Luar (Priest & Gass, 1997).

Di negara-negara maju, khususnya Amerika Syarikat, menyaksikan peningkatan mendadak penggunaan aktiviti luar sebagai media pendidikan, rekreasi dan program pembangunan sumber manusia (Neill, 2007, ; Sugerman & Riola, 1999, ; Sugerman, 2003). Pendidikan Luar sudah diperakui dan diterima oleh masyarakat sebagai satu pendekatan mendidik, memulih, menyuntik semangat, pembentukan kerja sepasukan dan pelbagai lagi tujuan yang berjaya dicapai melalui programnya yang terancang dan diuruskan secara profesional (Neill, 2004).

Di Malaysia juga, program bercorak perkhemahan dan aktiviti kembara luar semakin mendapat perhatian dan sambutan di semua peringkat terutamanya di sekolah-sekolah. Setiap tahun, jumlah pelajar yang terlibat bertambah dan semakin banyak program berorientasikan Pendidikan Luar dijalankan di pusat-pusat latihan dan rekreasi di seluruh negara. Satu daripadanya, ialah *outdoor wilderness program* yang telah melatih seramai 3,241 orang pelajar tingkatan dua dan empat, guru pelatih Institut Pendidikan Guru dan mahasiswa universiti, dari bulan Februari hingga bulan Oktober tahun 2003 sahaja ([www.Halimazmin.com](http://www.Halimazmin.com). 2005). Program ini adalah anjuran Wilderness Centre Berhad yang berpusat di Pulau Tuba, Langkawi dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia. Di negeri Selangor sahaja, sehingga bulan September 2005, terdapat peningkatan sebanyak 27% aktiviti luar sekolah khususnya

perkhemahan luar, bagi sekolah-sekolah menengah berbanding tahun 1999. Sementara di sekolah-sekolah rendah pula terdapat peningkatan sebanyak 96% (Jabatan Pelajaran Selangor, 2005.).

Peningkatan yang mendadak terhadap aktiviti rekreasi dan perkhemahan luar khususnya bagi para pelajar sekolah juga menyaksikan peningkatan dalam kecelakaan yang berlaku. Statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan mengenai kecederaan dan kemalangan yang berlaku di sekolah dan tempat-tempat rekreasi awam menunjukkan daripada 10,925 kes yang dilaporkan pada tahun 1996 telah meningkat kepada 13,106 kes pada tahun 2001 iaitu, peningkatan sebanyak 20 % (Chua Jui Meng, 2003).

Dari semasa ke semasa masyarakat dikejutkan dengan berita-berita kemalangan atau kecelakaan yang berlaku dan melibatkan pelajar sekolah melalui aktiviti terancang seperti kes lima pelajar dan seorang guru daripada Sekolah Menengah Agama Tok Jiring, Terengganu, mati lemas sewaktu menghadiri perkhemahan Kem Kecemerlangan Pelajar (Berita Harian, 12 Desember 2005). Sekumpulan 16 orang pelajar sesat selama 22 jam di hutan berhampiran Kem Tok Sakah, Perak dalam program perkhemahan luar dan motivasi kerana mereka mendakwa guru pengiring tiada kemahiran membaca kompas (Utusan Malaysia, 28 Jun 2004) dan dua pengakap lemas dan satu hilang dalam kejadian bot terbalik dipukul ribut di empangan Batang Air, Lubok Antu, Sarawak (The Star, 10 Jun 2005). Ini hanyalah tiga contoh daripada begitu banyak kes yang berlaku dalam program perkemahan luar dalam pelbagai bentuk dan melibatkan pelajar sekolah.

Penglibatan yang meningkat dan kepelbagaian dalam aktiviti luar menyebabkan permintaan terhadap pemimpin kegiatan luar bertambah. Namun, peningkatan permintaan terhadap pemimpin Pendidikan Luar perlu seiring dengan tuntutan yang membabitkan soal kualiti pemimpin dari segi kompetensi yang perlu ada terutama yang membabitkan faktor keselamatan. Keperihatinan masyarakat terhadap kemalangan yang sering berlaku mendesak pihak yang bertanggungjawab melatih bakal guru terutama Institut Perguruan untuk memeriksa semula latihan yang diberikan kepada guru pelatih dalam hal-hal yang bersangkutan dengan proses pembelajaran terutama dalam pengendalian program perkhemahan luar.

Faktor lain yang menjadi persoalan ialah kelayakan yang diperlukan untuk membolehkan seseorang itu menjadi pemimpin. Isu yang hendak dibangkitkan ialah apakah kelayakan seseorang untuk menjadi pemimpin program Pendidikan Luar dan adakah latihan yang diterima oleh pemimpin khususnya guru-guru pelatih memenuhi syarat kompetensi yang sepatutnya ada bagi setiap guru untuk mengendalikan sesuatu program Pendidikan Luar.

### **Latar Belakang Pendidikan Luar**

Pendidikan luar merupakan istilah yang sering digunakan dengan maksud yang pelbagai. Ada kalanya ia dimaksudkan sebagai pendidikan jarak jauh seperti yang digunakan bagi program pengajian jarak jauh di Universiti Putra Malaysia. Ia juga digunakan bagi menggambarkan apa sahaja aktiviti yang dijalankan di luar bilik darjah merentasi banyak disiplin ilmu (Neill, 2004).

Neill (2004), menyifatkan Pendidikan Luar sebagai penggunaan alam luar atau alam semula jadi untuk semua jenis, reka bentuk dan aktiviti pendidikan yang terancang dengan bimbingan dan tunjuk ajar instruktor atau pemimpin. Fokus Pendidikan Luar mestilah menerusi pengalaman langsung bermatlamatkan faktor personal, sosial, pendidikan, pemulihan dan pemuliharaan alam sekitar. Di antara banyak definisi yang diberikan, definisi yang dibuat oleh Donaldson dan Donaldson (1958), diikuti oleh Hammerman dan Hammerman (1980), seterusnya oleh Phylis (1981), masih kekal menjadi panduan kepada banyak program hari ini (Neill, 2004).

Pendidikan Luar ditakrifkan sebagai pendidikan “di dalam, tentang dan untuk” alam luar (Phylis, 1981). “Di dalam” menerangkan bahawa ia boleh dilaksanakan di pelbagai latar belakang yang sesuai di luar bilik darjah untuk pengalaman langsung bagi interaksi sosial peserta dan boleh pula dikaitkan dengan sesuatu tajuk. “Tentang” pula menerangkan bahawa tajuk itu sendiri mestilah mengenai aspek yang berkaitan dengan budaya dan persekitaran semula jadi. “Untuk” alam luar, menerangkan tujuan Pendidikan Luar yang dilaksanakan adalah bagi menguasai pengetahuan dan cara berfikir yang kemudiannya digunakan untuk kepentingan alam dan manusia sejagat. Apa yang utama menurut Phylis (1986), Pendidikan Luar adalah satu pendekatan pembelajaran yang memberikan tumpuan kepada tiga domain pendidikan iaitu, kognitif, psikomotor dan afektif dalam setiap aktiviti yang dirancang dan program tersebut adalah sebagai perantara kepada proses pembelajaran. Ringkasnya, Pendidikan Luar yang mempunyai asas teori dan falsafah yang kukuh, telah digunakan secara meluas di negara barat dalam bentuk

pembelajaran yang berasaskan pengalaman melalui ketiga-tiga domain pendidikan sekali gus.

Namun, di Malaysia sehingga kini, belum ditemui sebarang ketetapan, peraturan atau garis panduan yang jelas sebagai penentu yang menetapkan kriteria bagi melayakkan seseorang untuk mengendalikan sesuatu program Pendidikan Luar. Kajian menyeluruh tentang proses pelaksanaan program Pendidikan Luar di Malaysia khususnya penyelidikan tentang program latihan instruktor atau pemimpin Pendidikan Luar, juga belum ditemui sehingga kajian ini dibuat. Setiap organisasi, syarikat maupun individu bebas menjalankan apa sahaja program dengan menggunakan pendekatan atau atas nama Pendidikan Luar dengan menetapkan tujuan dan objektif masing-masing. Begitu juga dengan pemilihan dan perlantikan instruktor, fasilitator atau pemimpin setiap program Pendidikan Luar yang dilaksanakan. Tiada satu garis panduan, skim persijilan dan pentauliahan piawai yang khusus bagi program Pendidikan Luar yang dapat menentukan kompetensi instruktor yang mengendalikan program. Fenomena ini sepatutnya membimbangkan semua pihak yang terlibat khususnya masyarakat umum kerana ia bukan sahaja melibatkan faktor keselamatan dan akauntabiliti, tetapi juga *status quo* Pendidikan Luar akan dipersoalkan.

Sorotan literatur mendapati bahawa pelaksanaan program Pendidikan Luar sangat berkesan apabila instruktor atau pemimpin program mempunyai asas teori dan falsafah yang jelas, berpengetahuan dan berkemahiran serta mempunyai ciri-ciri kompetensi yang sewajarnya untuk mengendalikan program